

**Pelajari Semangat Kesukanan, Etika Dan Disiplin Melalui Sukan Hoki, Kata Najib Bernama
03 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak mahu lebih ramai kanak-kanak bermain hoki sejak usia muda dan mempelajari nilai untuk bermain secara adil, semangat kesukanan, etika dan disiplin yang dibawa melalui pertandingan secara persahabatan.

Perdana Menteri berkata sebagai bekas menteri sukan, beliau telahpun melihat bagaimana permainan secara berpasukan dapat membina keyakinan golongan muda serta memperkukuhkan ikatan antara mereka.

"Sebab itulah kami membelanjakan RM9 juta untuk menyokong program pembangunan 1Mas Konfederasi Hoki Malaysia, yang diilhamkan presidennya Tengku Abdullah (Sultan Ahmad Shah)," katanya pada majlis jamuan gala Kongres Pesekutuan Hoki Antarabangsa (FIH) ke-43 di sini Jumaat malam.

Turut hadir isteri beliau Datin Seri Rosmah Mansor, Tengku Abdullah, Raja Muda Perak Raja Dr Nazrin Shah yang juga bekas presiden MHC dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Najib berkata hoki juga dilihat sebagai satu cara untuk memupuk kesamarataan yang lebih baik.

Mengambil maklum bahawa pemain daripada pasukan wanita kebangsaan meraih anugerah 'Pemain Terbaik Kejohanan' dan 'Penjaring Terbaik' dalam pusingan kedua Liga Dunia, Najib berkata: "Mereka adalah contoh ikutan bagi generasi gadis yang akan menjalani hidup yang lebih aktif, lebih sihat."

Perdana Menteri turut memuji tugas yang dilaksanakan oleh FIH dalam mempromosi sukan hoki.

"Komitmen kita setara dengan Persekutuan Antarabangsa, dan saya tetap kagum dengan tugas yang mereka laksanakan untuk mempromosi dan membangunkan sukan hoki," katanya.

Najib berkata di pihaknya, beliau akan terus memastikan agar hoki menerima pembiayaan dan sokongan yang sewajarnya untuk berkembang subur di Malaysia.

Beliau berkata sukan itu turut memperlihatkan kepada dunia keupayaan Malaysia menganjurkan acara kelas pertama dengan infrastruktur bertaraf dunia.

"Ini adalah satu legasi yang dapat kita jadikan asas dalam tahun-tahun mendatang sambil Konfederasi Hoki Malaysia membida untuk menganjurkan kejohanan Piala Dunia Lelaki 2018," katanya.

Malaysia menjadi tuan rumah Hoki Dunia pada 1975 dan 2002, Kejohanan Piala Juara-juara 2010 dan Piala Dunia Remaja. Ia turut menganjurkan kejohanan tahunan Piala Sultan Azlan Shah.

Najib mengucapkan selamat maju jaya kepada Tengku Abdullah kerana dicalonkan untuk menganggotai lembaga eksekutif FIH.

"Sekiranya dilantik, baginda (Tengku Abdullah) akan menjadi wakil yang bersesuaian dan akan memberi banyak sumbangan kepada Persekutuan ini," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=706711>